



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan
Perdagangan Antarabangsa Mengenai Isu Anti-Lambakan
di Malaysia**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari Rabu, 24 Mei 2026 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang telah mengadakan satu mesyuarat untuk membincangkan hala tuju serta perlindungan ekonomi perdagangan negara khususnya dalam isu anti lambakan di Malaysia.

Dalam mesyuarat ini, Jawatankuasa berpeluang untuk mendengar daripada pemain-pemain industri elektrik dan elektronik yang hadir; wakil daripada Electrical Home Appliances Dealers' Association (SWEDA), PANASONICS Malaysia, Daikin Malaysia dan Acson Malaysia yang mengutarakan perihal peraturan, penguatkuasaan serta persaingan yang wujud dalam pasaran tempatan antara produk yang dikeluarkan di Malaysia dan barangan import.

Jawatankuasa juga turut mendapatkan taklimat daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia berhubung isu anti lambakan di Malaysia. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kerangka anti lambakan di Malaysia ini menggunakan struktur yang telah ditetapkan oleh World Trade Organization (WTO) serta cabaran yang dihadapi di lapangan dalam menguatkuasakan undang-undang ini.

Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan yang mendalam mengenai isu tersebut dari perspektif ekonomi, termasuk impaknya terhadap ekonomi negara. Jawatankuasa akan meneliti dasar-dasar yang bersesuaian yang boleh dilaksanakan bagi melindungi industri-industri Malaysia yang terjejas.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah meminta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk meneruskan perbincangan yang lebih terperinci berkaitan e-dagang, piawaian Suruhanjaya Tenaga dan pensijilan SIRIM bagi memastikan satu medan persaingan yang lebih adil dapat diwujudkan.

Selain daripada itu, Jawatankuasa turut meminta Kementerian Ekonomi dan MITI untuk menilai sama ada langkah-langkah dasar yang bersifat perlindungan perlu diperkenalkan bagi menangani isu-isu berkaitan lambakan (dumping) dan tarif. Kedua-dua buah kementerian juga diminta untuk sentiasa memberikan perkembangan terkini serta laporan kemajuan kepada Jawatankuasa dan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan kehadiran ahli-ahli mesyuarat yang turut dihadiri oleh YB Puncak Borneo, YB Kubang Pasu, YB Ipoh Timor, YB Bukit Bendera, YB Kalabakan, YB Langkawi, YB Parit dan YB Gopeng sebagai ahli mesyuarat jemputan. Penghargaan turut dimajukan kepada wakil-wakil Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan ex-officio atas komitmen yang diberikan kepada Jawatankuasa ini dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam institusi legislatif.

- TAMAT -